

AKTIVITI : KURSUS KESEDARAN EKSA JKR MALAYSIA

TEMPAT : MENARA PJD, KUALA LUMPUR

TARIKH : 11 – 12 NOVEMBER 2015

Satu Kursus Kesedaran EKSA telah diadakan pada 11-12 November 2015 yang lalu bertempat di Bilik Latihan, Menara PJD. Kursus ini telah disertai oleh wakil dari setiap cawangan Ibu Pejabat JKR Malaysia yang akan bertindak sebagai Penyelaras dan menganggotai Jawatankuasa Pelaksana EKSA bagi peringkat cawangan masing-masing. Pihak Urus Setia Kursus telah mempelawa Encik Azhan Ahmad daripada Institut Aminuddin Baki, Nilai, Negeri Sembilan, yang merupakan Fasilitator EKSA yang dilatih oleh pihak MAMPU sebagai penceramah kursus tersebut.

Matlamat kursus ini adalah bertujuan untuk memberi kesedaran pelaksanaan EKSA di setiap cawangan Ibu Pejabat JKR Malaysia bagi mendapatkan persijilan EKSA di peringkat Jabatan oleh pihak MAMPU pada bulan Jun 2016 kelak.

